

## Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa

*Folklore as a Didactic Medium for the Rural Community*

Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah  
[Alhakim201@yahoo.com](mailto:Alhakim201@yahoo.com)  
Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA

Mohd Firdaus Che Yaacob  
[firdaus.cy@umk.edu.my](mailto:firdaus.cy@umk.edu.my)  
Universiti Malaysia Kelantan, MALAYSIA

**Published:** 30 June 2022

**To cite this article (APA):** Mohamad Hanafiah, M. N. A.-H., & Che Yaacob, M. F. (2022). Sastera Rakyat Sebagai Medium Didaktik Kepada Golongan Desa. *PENDETA*, 13(1), 103-114.  
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.9.2022>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.9.2022>

### ABSTRAK

Sastera rakyat merupakan sebuah karya kreatif disampaikan oleh masyarakat Melayu zaman dahulu khususnya golongan desa dan petani untuk dijadikan sebagai hiburan dan juga pendidikan kepada masyarakat setempat. Terdapat sejumlah masyarakat zaman kini yang menganggap sastera rakyat adalah sesuatu yang asing dan dianggap khayalan semata-mata. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur nilai positif dalam sastera rakyat di Kelantan sebagai medium didaktik kepada golongan desa. Pengaplikasian prinsip Takmilah iaitu hubungan antara khalayak dengan karya dalam beberapa buah sastera rakyat yang diperoleh daripada penglipur lara di Kelantan. Selain itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan kaedah kepustakaan lapangan berbentuk temubual dan analisis kajian. Natijahnya, sastera rakyat Kelantan sememangnya memiliki kekayaan nilai positif yang berpotensi dijadikan medium didaktik kepada golongan desa.

**Kata Kunci:** Sastera Rakyat; Pendidikan; Golongan Desa; Teori Takmilah.

### ABSTRACT

*Folklore is a creative work presented by the ancient Malay community, especially the villagers and farmers to be used as entertainment and education to the local community. There are a handful of modern society who consider folk literature to be something foreign and considered purely imaginary. This study aims to identify and analyze the elements of positive values in folklore in Kelantan as a didactic medium for the rural group. The application of the principle of Takmilah is the relationship between the audience and the work in some folklore obtained from lara entertainers in Kelantan. In addition, this study uses a qualitative approach involving field literature methods in the form of interviews and research analysis. As a result, Kelantan folklore has a wealth of positive values that have the potential to be used as a didactic medium for the rural community.*

**Keywords:** Folklore; Education, Rural Community; Takmilah theory.

### PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan sebahagian daripada kesusasteraan Melayu lama yang bersifat lisan yang disebarluaskan melalui mulut ke mulut oleh penglipur lara dan diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi serta memiliki nilai-nilai pengajaran yang boleh dipelajari oleh segenap lapisan masyarakat dan bukan bersifat hiburan semata-mata. Menurut Abu Bakar Hamid (1976), cerita rakyat merupakan tradisi lisan yang disampaikan dengan kaedah mulut ke mulut dan disampaikan secara

turun temurun oleh generasi masyarakat Melayu. Selain itu, cerita lisan Melayu merupakan salah satu karya sastera yang kreatif dihasilkan oleh masyarakat Melayu desa sebagai alat hiburan dalam kalangan masyarakat (Fatimah Md Yasin, 1990). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa cerita rakyat merupakan suatu hasil pengucapan secara lisan yang disampaikan oleh nenek moyang pada zaman dahulu kala, bersifat mudah difahami, memiliki unsur hiburan, kaya dengan nilai-nilai murni yang dapat dipelajari oleh segenap lapisan masyarakat setempat untuk membentuk moral dan tingkah laku positif. Oleh hal yang demikian, berdasarkan definisi dan pendapat oleh beberapa orang tokoh, jelas menunjukkan cerita rakyat merupakan khazanah sastera yang kaya dengan nilai dan kehebatan orang Melayu dalam mencipta karya sastera. Rentetan itu, kajian yang bersifat akademik wajar dilakukan mengenai cerita rakyat bagi mengangkat martabatnya ke arah lebih tinggi. Oleh itu, kajian ini bermatlamat mengkaji dan merungkai kandungan cerita rakyat dalam konteks bagi nilai-nilai nilai positif yang terdapat di dalamnya sebagai medium didaktik kepada golongan desa.

Sehubungan dengan itu, kajian ini membahaskan mengenai cerita rakyat yang mengandungi nilai-nilai positif dan berpotensi dijadikan medium didaktik atau bersifat mendidik kepada golongan desa dan masyarakat sejagat. Sehubungan dengan itu, setiap cerita rakyat terpilih dikenalpasti dan dianalisis nilai yang terkandung di dalamnya agar dapat membuka pemikiran masyarakat tentang kebaikan yang diperohi daripada cerita rakyat. Selain itu, analisis kajian ini bersandarkan teori Takmilah melalui prinsip hubungan khalayak dengan karya yang menyerlahkan cerita rakyat sebagai medium didaktik kepada golongan desa.

## SOROTAN KAJIAN LEPAS

Sejumlah kajian lepas dikumpul dan diteliti secara mendalam agar dapat mengenal pasti kelompongan kajian lepas. Hal ini bertujuan untuk melancarkan proses kajian ini supaya tida berlaku sebarang unsur plagiat atau pertindihan aspek kajian. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, terdapat sejumlah kajian lepas yang berkaitan dengan cerita rakyat dikaji daripada pelbagai sudut, aspek dan teori.

Antara kajian lepas yang dimaksudkan termasuklah kajian mengenai cerita rakyat yang mengutarakan elemen kepentingan nilai dan kebudayaan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu melalui perisian E-Cerita Rakyat kepada kanak-kanak sekolah rendah. Kajian ini telah dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017). Selain itu, kajian ini tertumpu kepada perbincangan mengenai nilai yang terdapat di dalam lirik lagu menerusi cerita rakyat Melayu yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, kajian ini menggunakan media cerita rakyat yang telah diadaptasi ke dalam bentuk lirik lagu sebagai data kajian. Oleh hal yang demikian, kajian ini turut menggunakan rekabentuk kualitatif dengan merujuk teks. Sebagai rumusannya, cerita rakyat yang disampaikan melalui lirik-lirik lagu yang dijalin dengan melodi yang menarik telah menjadi pilihan kegemaran kanak-kanak.

Selain itu, kajian lepas yang bertajuk *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* oleh Mohd Nazri Abdul Rahman (2017). Kajian ini berkisarkan kesesuaian cerita rakyat dalam mendidik masyarakat dalam konteks pembelajaran asas literasi. Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai medium pembelajaran literasi asas untuk kanak-kanak Orang Asli. Di samping itu, pendekatan *The Fuzzy Delphi* digunakan untuk mengenal pasti kesesuaian cerita rakyat sebagai media pengajaran dan belajar literasi asas untuk anak-anak orang asli di Sabah. Hasil kajian menunjukkan bahawa cerita rakyat adalah sesuai untuk dilaksanakan sebagai modul pembelajaran literasi asas, terutamanya untuk kanak-kanak.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menjalankan kajian mengenai cerita rakyat menerusi kajian yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalau Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini berkisarkan tentang aspek nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan yakni cerita rakyat di lembangan Sungai Pengkalau Datu, Kelantan. Sehubungan itu, cerita rakyat dikumpul dan dikenal pasti nilai murni yang terkandung di dalamnya. Setelah itu, nilai-nilai murni tersebut dianalisis dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan. Hasil mendapatkan cerita

rakyat di lembangan Sungai Pengkalan Datu mengandungi nilai-nilai murni yang boleh dijadikan landasan kepada masyarakat Melayu untuk membentuk masyarakat yang berakhlak mulia.

Selanjutnya, sebuah kajian cerita rakyat yang bertajuk *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019). Kajian yang lebih tertumpu kepada aspek transformasi ini telah dijalankan bagi membincangkan sejauh mana transformasi penyampaian cerita rakyat di Malaysia sesuai dengan perkembangan teknologi dan pengenalan Dasar Industri Kreatif Negara. Rentetan itu, pengkaji telah mengenal pasti beberapa judul cerita rakyat yang telah diadaptasi kepada media digital dan format yang telah digunakan oleh para penerbit dalam proses adaptasi tersebut. Selain itu, kajian ini telah menggunakan pendekatan rekonstruksi bagi memantapkan lagi analisis kajian. Dapatkan kajian jelas menunjukkan bahawa, cerita rakyat di Malaysia masih belum berkembang selaras dengan perkembangan teknologi masa kini. Oleh itu, usaha yang lebih jitu harus dilakukan bagi memelihara khazanah kebangsaan ini dan seterusnya memartabatkannya ke peringkat yang lebih tinggi.

Tambahan lagi, sebuah kajian akademik bertemakan cerita rakyat yang bertajuk *Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* oleh Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020). Kajian ini berkisarkan tentang perspektif Barat mengenai "Melayu Malas" dan "Melayu Bodoh" yang telah dilabel oleh penjajah British dari zaman penjajahan. Kajian ini berpaksikan mengenalpasti dan menganalisis kebenaran perspektif terbut berdasarkan cerita jenaka Melayu. Kajian ini berlandaskan metod yang melibatkan analisis teks dengan menggunakan cerita jenaka Melayu seperti *Pak Pandir*, *Pak Kaduk*, *Pak Belalang* dan *Si Luncai*. Hasil kajian mendapat analisis terhadap cerita jenaka Melayu tersebut dapat menyanggah perspektif Barat mengenai "Melayu Malas" dan "Melayu Bodoh".

## PENYATAAN MASALAH

Penyataan masalah wujud bertitik tolak daripada kelompongan kajian lepas yang dikenalpasti oleh pengkaji. Hal ini timbul berdasarkan pelbagai aspek kajian lepas yang melibatkan aspek, teori, dan pendekatan yang digunakan oleh para pengaji lepas. Antara kajian yang telah diteliti termasuklah *Dissemination of Values through the E-Folklore* oleh Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi & Awang Azman Awang Pawi (2017), *Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan* oleh Mohd Nazri Abdul Rahman (2017), *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), *Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia* oleh Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa (2019) dan *Perspektif 'Melayu Malas' dan 'Melayu Bodoh' oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu* oleh Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar (2020). Merujuk kepada sejumlah kajian lepas yang diteliti, pengkaji mendapat bahawa kajian bertemakan cerita rakyat masih belum dikaji secara menyeluruh terutama berkaitan aspek medium pendidikan kepada golongan desa. Selain itu, kajian-kajian lepas juga dilihat masih belum dikaji secara komprehensif menggunakan teori Takmilah melalui prinsip hubungan karya dengan khalayak. Oleh hal yang demikian sebuah kajian yang mengikut piawaian akademik menggunakan aspek medium pendidikan kepada golongan desa dan menjadikan prinsip Takmilah sebagai deduktif wajar dilakukan. Hal ini demikian kerana, kajian ini diharap berupaya untuk memberi nilai tambah kepada dunia penyelidikan sastera dan mengangkat martabat cerita rakyat itu sendiri ke peringkat lebih tinggi.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan kaedah temu bual dalam proses untuk mendapatkan data dan maklumat mengenai kajian seacara tepat dan sistematis. Kaedah kepustakaan merujuk kepada pencarian terhadap sumber dan maklumat bertulis mengenai cerita rakyat dan aspek kajian. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah berkunjung ke perpustakaan dengan tujuan untuk mengumpul seberapa banyak bahan dan sumber rujukan mengenai

kajian cerita rakyat, medium didaktik dan teori Takmilah. Antara perpustakaan yang dikunjungi termasuklah Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur. Kaedah ini membolehkan maklumat diperolehi secara formal seperti jurnal-jurnal sastera, kertas-kertas kerja, kertas-kertas seminar, buku-buku, tesis-tesis para sarjana untuk diteliti dengan tujuan memperoleh maklumat dan data. Kaedah ini telah membantu pengkaji untuk memahami mengenai tujuan kajian dan melakukan setiap proses kajian dengan lancar.

Sehubungan dengan itu, kaedah seterusnya merupakan komponen yang memainkan peranan yang penting dalam kajian ini. Kaedah tersebut iaitu kaedah temu bual dijalankan oleh pengkaji untuk mendapatkan cerita rakyat di daerah Pasir Mas, Kelantan. Hal ini bersesuaian dengan sifat cerita rakyat yang disampaikan secara lisan dari mulut ke mulut. Rentetan itu, pengkaji menjalankan kaedah temu bual dengan mengemukakan beberapa soalan yang bersesuaian kepada penglipur lara semasa proses menemu bual. Soalan-soalan yang diajukan berdasarkan cara penceritaan yang dilontarkan oleh penglipur lara tersebut bagi menimbulkan suasana yang mesra, mengelakkan rasa bosan dan boleh bercerita secara konsisten. Hal ini juga bertujuan untuk mengelakkan proses temu bual tersebut tidak terpesong daripada skop sebenar selain mendorong penglipur lara supaya bercerita mengenai sesuatu cerita rakyat dengan betul. Selain itu, setiap soalan temu bual disampaikan dengan cara santai dan tidak formal bagi memberi keselesaan kepada penglipur lara.

Dalam pada itu, pengkaji juga melakukan rakaman video dan audio sepanjang proses penceritaan dijalankan oleh penglipur lara. Proses rakaman dilakukan dengan menggunakan alat bantuan kajian iaitu peralatan mudah alih seperti telefon pintar dan tablet. Sehubungan dengan itu, tujuan rakaman ini bertujuan untuk dijadikan bukti dan simpanan serta sebagai rujukan kepada pengkaji untuk dirujuk pada masa hadapan dan dalam proses penganalisisan. Setelah proses temu bual selesai, maka rakaman video dan audio akan didengar semula bagi meneliti supaya rakaman temu bual dilakukan secara penuh. Proses rakaman disusuli dengan proses mencatat dan menyaring cerita rakyat di Tumpat, Kelantan. Sebagai kesimpulannya, kaedah temu bual melibatkan proses-proses tertentu yang sangat penting bagi memberi kelancaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini.

## TATACARA PENYELIDIKAN CERITA RAKYAT DI PASIR MAS, KELANTAN

Kajian ini menggunakan tatacara penyelidikan atau proses-proses utama yang tersendiri dalam usaha menyempurnakan matlamat kajian. Kajian ini menggunakan kerangka utama kajian *folklore* yang diilhamkan oleh Dundes (1965) digunakan oleh pengkaji untuk menjalankan kajian ini secara teratur menurut peringkat yang betul. Sehubungan dengan itu, keseluruhan kerangka ini merangkumi tiga peringkat utama iaitu peringkat pertama pengenalpastian, peringkat kedua pengumpulan data dan peringkat akhir iaitu analisis untuk diikuti oleh pengkaji supaya kajian ini dihasilkan secara sistematis.

Pengkaji memulakan peringkat pertama iaitu pengenalpastian dijalankan oleh pengkaji dengan pergi ke kawasan daerah Pasir Mas bagi meninjau dan mengenal pasti individu yang berpotensi untuk menjadi penglipur lara. Dalam pada itu, pengkaji berkunjung ke kedai runcit dan warung di kawasan pedalaman daerah Pasir Mas untuk bertanya kepada penduduk kampung tentang individu-individu yang berpengalaman dan mengetahui tentang sejarah kampung tersebut. Setelah proses pengenalpastian dilakukan, pengkaji berhasil memperoleh beberapa orang penduduk kampung yang berpotensi menjadi penglipur lara. Setiap penduduk kampung yang dipilih untuk dijadikan sebagai penglipur lara mempunyai potensi dan mempunyai kemahiran untuk bercerita selain mereka juga merupakan anak jati kampung tersebut. Antara penduduk kampung yang terpilih termasuklah Azmi Che Lah, Muhammad Ismail, dan Fatimah Ismail. Mereka dipilih kerana dilihat mempunyai kemahiran bercerita dan merupakan anak jati kampung tersebut. Selain itu, antara kampung yang dikunjungi oleh pengkaji untuk mendapatkan cerita rakyat termasuklah Kampung Slow Machang dan Kampung Tempoyak di daerah Pasir Mas, Kelantan.

Seterusnya, peringkat yang kedua iaitu peringkat pengumpulan data dijalankan oleh pengkaji untuk menepati setiap peringkat dalam kerangka utama *folklore*. Peringkat pengumpulan data melibatkan proses menetapkan temu janji dan perbincangan bersama para penglipur lara secara tidak formal ketika proses pengenalpastian dilakukan. Hal ini bertujuan untuk memastikan kelancaran dan memudahkan proses temu bual. Rentetan itu, pengkaji berkunjung ke rumah para penduduk yang dipilih sebagai penglipur lara untuk menjalankan proses temu bual. Proses menemu ramah dijalankan

dengan mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan cerita rakyat kepada penglipur lara. Sehubungan dengan itu, soalan yang diajukan menjurus kepada aspek cerita rakyat seperti persoalan mengenai sejarah kampung, kisah-kisah mitos, pantang-larang dan asal-usul kejadian alam yang terdapat di kampung berkenaan. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan idea kepada penglipur lara supaya dapat bercerita dengan selesa dan konsisten. Penglipur lara yang dipilih untuk menyampaikan cerita rakyat ialah Azmi Che Lah, Muhammad Ismail dan Fatimah Ismail. Setelah melakukan proses temu ramah, pengkaji berhasil mendapatkan sejumlah cerita rakyat daripada beberapa buah kampung seperti Kampung Slow Machang dan Kampung Tempoyak di daerah Pasir Mas, Kelantan. Selain tu, proses temu ramah dilakukan secara berkumpulan seramai dua orang dan setiap orang melakukan tugas masing itu dan dijalankan pada 21 September 2020. Rentetan itu, proses ini penting bagi memenuhi syarat keperluan utama kajian ini iaitu, cerita rakyat daerah Pasir Mas, Kelantan. Justeru, peringkat ini penting bagi memastikan data yang dikumpul daripada sumber yang tepat dan maklumat yang relevan.

Selanjutnya, pengkaji meneruskan kajian dengan menjalankan peringkat yang ketiga iaitu peringkat analisis. Hal ini bertujuan untuk menghasilkan sebuah hasil kajian yang tepat dan relevan sebagai sebuah kajian bersifat akademik. Sehubungan dengan itu, setiap cerita rakyat dianalisis secara kualitatif dengan menjurus ke arah objektif untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai positif yang terkandung dalam naratif lisan di Pasir Mas, Kelantan sebagai medium didaktik kepada golongan desa. Tambahan lagi, proses analisis dijalankan dengan mengaplikasikan salah satu prinsip dalam teori Takmilah iaitu prinsip hubungan khalayak dengan karya bagi mendapatkan huraian yang jitu dan mapan. Prinsip ini dipilih untuk memperlihatkan hubungan di antara cerita rakyat di Pasir Mas, Kelantan yang mengandungi nilai-nilai positif dengan khalayak yakni golongan desa. Justifikasinya, prinsip ini sesuai digunakan sebagai deduktif kajian kerana ia dapat memberi huraian yang jelas mengenai hubungan khalayak dengan karya. Oleh itu, peringkat ketiga ini sangat penting untuk dilakukan kerana dapat memberikan penjelasan yang mantap kepada pembaca.

## TEORI TAKMILAH

Kajian ini memperincikan tentang teori Takmilah yang diilhamkan oleh Shafei Abu Bakar. Beliau merupakan seorang pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu (JPM) Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1993. Teori ini merupakan satu-satunya teori sastera Islam di Malaysia yang memberi penekanan analisis dan kritikan bersandarkan secara langsung kepada konsep tauhid dan nilai keislaman. Menurut Shafei Abu Bakar (1996), ‘takmilah’ ialah istilah yang berkait rapat dengan sifat Kamal Allah yang bererti sempurna. Melalui kata dasar sempurna ini telah lahir perkataan ‘takmilah’ yakni menyempurnakan. Justeru, melalui perkataan ini menunjukkan bahawa karya yang dikaji menggunakan teori Takmilah ia menjadi sempurna lagi menyempurnakan. Menurut Shafei Abu Bakar (1997), pada tahun 1996, Shafei Abu Bakar telah memperhalusi dan memantapkan lagi teori Takmilah dengan mengutarakan 7 prinsip. Prinsip-prinsip tersebut termasuklah prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip Islam yang bersifat Akmal, prinsip Ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil.

## PRINSIP HUBUNGAN KARYA DENGAN KHALAYAK

Prinsip hubungan khalayak dengan sastera merupakan suatu hubungan rapat antara satu sama lain yang memperincikan tentang pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan (Shafei Abu Bakar, 1997). Prinsip ini menekankan pengkarya seharusnya menerapkan unsur pendidikan dalam sesebuah karya supaya memberi kesan positif dan kesedaran kepada pembaca. Kajian ini memilih prinsip ini sebagai deduktif kajian bagi memantapkan lagi huraian di bahagian analisis kajian. Perkaitan di antara kedua-dua aspek tersebut adalah amat jelas di mana masyarakat Melayu sebagai khalayak sangat dekat dengan cerita rakyat Melayu yakni karya yang

dihasilkan oleh masyarakat Melayu terutama golongan desa itu sendiri. Oleh itu, nilai-nilai positif yang ditemukan dalam cerita rakyat sangat ketara pengaruhnya dan berpotensi untuk dijadikan medium didaktik kepada golongan desa.

## **NILAI POSITIF SEBAGAI MEDIUM DIDAKTIK DALAM CERITA RAKYAT KELANTAN**

Nilai positif yang dikenalpasti dalam cerita rakyat di Pasir Mas, Kelantan sebagai medium didaktik kepada golongan desa diperincikan melalui huraian analisis secara sistematik dan memberi kefahaman kepada khalayak. Sehubungan dengan itu, cerita rakyat di Pasir Mas, Kelantan mengandungi nilai positif dapat dilihat melalui petikan-petikan yang dibahaskan dalam bahagian analisis. Antara nilai positif yang diteliti termasuklah nilai merendah diri, bersyukur, persahabtan dan pemaaf. Sementara itu, cerita rakyat di Tumpat, Kelantan yang dibincangkan termasuklah *Ulamak Agama di Selow Machang, Iblis berkeliaran di Kala Senja, Kerakusan Jin Tanah* dan *Kewibawaan Pak Su Hassan*.

### **NILAI MERENDAH DIRI**

Menurut Achmad D. Marimba (1981), rendah diri berasal daripada perkataan “tawadhu” yang membawa maksud sifat merendahkan hati kepada sesuatu yang diagungkan. Selain itu, Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) menyatakan bahawa nilai merendah diri sebuah nilai yang mengajar manusia untuk bersikap sederhana dan tidak sompong dalam kehidupan supaya dapat membentuk sebuah masyarakat yang saling hormat-menghormati dan berakhhlak mulia di antara satu sama lain. Berdasarkan pendapat tokoh di atas, dapat disimpulkan bahawa nilai merendah amat penting dalam kehidupan masyarakat bukan sahaja golongan desa, bahkan seluruh lapisan masyarakat bagi mengelakkan terjadinya perkara yang tidak diingini sesama anggota masyarakat. Nilai merendah diri dapat dilihat melalui cerita rakyat yang bertajuk *Ulamak Agama di Selow Machang*. Hal ini dapat diperincikan melalui petikan berikut:

“Tuan Haji Adam juga memiliki 30 orang anak murid yang belajar dengannya. Anak muridnya itu juga sama-sama menyebarkan ilmu agama ke seluruh negeri Kelantan. Terdapat juga anak didiknya yang menambahkan ilmu pengetahuan di luar negara seperti Indonesia, Arab Saudi, China dan sebagainya. Ada juga anak didiknya yang menjadi guru agama mengajar di pondok ataupun madrasah di sekitar negeri Kelantan. Sikap Tuan Haji Adam yang merendah diri dan tawaduk itu telah membuatkan ilmu agama mampu disebarluaskan di seluruh negeri Kelantan menerusi pendekatan terhadap golongan muda.”

(Azmi Che Lah, 2020)

“Tue Haji Adam juga memiliki 30 ore anak murid ye belajor dengenyo. Anok muridnya tu jugok bersamo-samo menyeborke ilmu agamo ko seluroh negeri Kelate. Terdapat juga anok didiknya ye menamboh ilmu pengetahue di luor negaro serupo Indonesia, Arab Saudi, Chino de sebagainyo. Ado juga anok didiknya ye menjadi guru agamo di pondok ataupon madrosoh di sekitor negeri Kelate. Sikap Tue Haji Adam ye merendoh diri de tawadok tu teloh membuatke ilmu agamo mampu diseborke di seluroh negeri Kelate menerusi pendekate terhadap golonge mudo.”

(Azmi Che Lah, 2020)

Petikan di atas menggambarkan nilai merendah diri yang diamalkan oleh watak Tok Haji Adam dalam kehidupannya sebagai seorang orang ulamak. Hal ini dikatakan demikian kerana, beliau diceritakan menggunakan nilai merendah diri untuk mendekati golongan muda supaya dapat mengajak mereka untuk mempelajari ilmu agama Islam. Sebagai contohnya, Tok Haji Adam dengan merendah

diri dan tawaduk telah berjaya mengajak golongan muda Kampung Selow Machang untuk menyertai pembelajaran agama Islam dan sekali gus menyebarkan syiar Islam secara meluas. Hal ini jelas menunjukkan nilai merendah diri memainkan peranan penting kepada seseorang terutama orang yang mempunyai ilmu dalam sesuatu perkara untuk mendekatkan diri kepada orang lain supaya dapat berkongsi ilmu yang dimiliki. Dalam konteks ini, cerita rakyat ini menyelitkan nilai positif iaitu nilai merendah diri dalam kalangan golongan desa dan berpotensi untuk dijadikan medium didaktik.

Rentetan itu, hal ini bertepatan dengan definisi nilai merendah diri yang ditegaskan oleh Achmad D. Marimba (1981) iaitu merendah diri berasal daripada sikap tawaduk yang bermaksud merendahkan hati kepada segala perkara. Selain itu, kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menyatakan bahawa nilai merendah diri adalah seseorang insan yang memiliki hati yang mulia dan tidak sombong dengan masyarakat sekeliling. Berdasarkan pendapat para cendekiawan, dapat dirumuskan bahawa nilai merendah diri merupakan kerendahan hati seseorang terhadap semua masyarakat tidak mengira tahap umur, pemikiran dan kepercayaan demi membentuk masyarakat yang harmoni.

Pengaplikasian prinsip Takmilah dapat digarap melalui prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna). Menurut Shafie Abu Bakar (1997), pengkarya atau pengolah cerita rakyat atau karya sastera harus berperanan sebagai pencetus dalam membawa khalayak untuk memikirkan tentang kebesaran Allah SWT dapat mengatasi keangkuhan diri dan rasa sombong supaya menjadi masyarakat yang merendah diri. Sebagai contohnya, watak Tok Haji Adam yang mengamalkan nilai rendah diri yang tinggi dalam dirinya kerana sedar ilmu agama yang ada padanya tidak setanding dengan kekuasaan Allah SWT. Hal ini menunjukkan cerita rakyat ini dapat mencetuskan pemikiran khalayak untuk memikirkan kebesaran Allah SWT. Oleh itu, cerita rakyat ini jelas menepati tuntutan prinsip Takmilah ini kerana berpotensi untuk mendidik khalayak ke arah insan Kamil dan sekali gus menjadi medium pendidikan kepada golongan desa untuk mengamalkan nilai merendah diri dalam kehidupan.

## NILAI BERSYUKUR

Menurut Hamka (1983) berpandangan bahawa nilai bersyukur merujuk kepada menggunakan sesuatu yang telah diberikan Allah SWT sesuai dengan fungsinya masing-masing seperti yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Selain itu, Choirul Mahfud (2014), syukur adalah tanda terima kasih umat manusia terhadap Allah SWT dan menggunakan rezeki yang dikurniakan sesuai dengan kehendak dan tuntutan Allah SWT terhadap umat manusia. Tambahan lagi, Pendapat ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), nilai syukur ialah sebuah perasaan yang merasa cukup dan bersederhana dalam menjalani kehidupan serta sentiasa berterima kasih orang lain dan Allah S.W.T kerana telah memberi rezeki atau bantuan. Berdasarkan pendapat para tokoh, nilai bersyukur dapat dirumuskan sebagai perasaan yang sepatutnya dizahirkan oleh masyarakat menjadi penting untuk diperlakukan kembali dalam usaha melahirkan masyarakat Melayu yang berakhhlak tinggi. Nilai bersyukur digarapkan dalam cerita rakyat yang bertajuk *Iblis Berkeliaran di Kala Senja*. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan berikut:

“Manggis menggelepur kesakitan apabila dibacakan jampi serapah itu. Saudagar Saktria telah menabur beras kuning lalu meminta pertolongan Yang Maha Esa untuk menyembuhkan Manggis. Tidak lama kemudian, Manggis mulai sedar dan menangis memeluk ibunya. Mak Kantan mengucapkan syukur dan berterima kasih kepada Saudagar Saktria. Untuk membala jasa Saudagar Saktria, Mak Kantan telah mengahwinkan anaknya, Manggis dengan saudagar itu. Selepas daripada itu, Saudagar Saktria dan Manggis berlayar di lautan dan sering kali pulang untuk melihat keadaan Mak Kantan serta Embun di kampung.”

(Fatimah Ismail, 2020)

“Manggis gelepa kesakite maso dibacoke japi serapoh tu. Saudagar Saktria teloh menabor beras kuni lalu meminto pertolonge Ye Maho Eso untuk menyembuhke Manggis. Tok lamo kemudie, Manggis mulo sedor de jerit memelok moknyo. Mok

Kantan mengucapke terimo kasih de syukor kepada Saudagor Saktria. Untuk membala jaso Saudagor Saktria, Mok Knatan teloh mengahwinke anaknya, anggis denge saudagor tu. Selepas daripado tu, Saudagor Saktria de Manggis berlayar di laote de sokmo pule untuk kelih keadoe Mok Kantan serto Embun di kapo.”

(Fatimah Ismail, 2020)

Penglipur lara membuktikan nilai bersyukur yang digarapkan dalam cerita rakyat ini melalui petikan di atas yang mana watak Mak Kantan yang bersyukur kerana telah menyembuhkan anaknya. Hal ini merujuk kepada proses penyembuhan Manggis oleh Saudagar Saktria telah membawa hasil kerana Manggis berhasil disembuhkan. Sebagai tamsilannya, Mak Kantan mengucapkan terima kasih dan mengucapkan syukur kepada Allah SWT sehingga sanggup mengahwinkan anaknya Manggis dengan Saudagar Saktria sebagai tanda syukur dan terima kasih. Hal ini menunjukkan nilai bersyukur yang tinggi dalam hati watak Mak Kantan berdasarkan cara beliau mengucapkan terima kasih dan syukur kerana anaknya telah sembuh daripada penyakit. Dalam konteks ini, nilai bersyukur diterapkan dengan jelas dalam cerita rakyat ini dan sememangnya berupaya untuk dijadikan medium didaktik kepada golongan desa dan masyarakat sekeliling.

Sehubungan dengan itu, hal ini bersesuaian dengan pendapat Hamka (1983) berkaitan nilai bersyukur yang mana manusia menggunakan rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT ke arah kebaikan seperti membala jasa orang lain kerana telah memberikan pertolongan. Pendapat ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) yang menegaskan bahawa sifat bersyukur merupakan rasa berterima kasih kepada Allah SWT dan orang yang telah menghulurkan bantuan. Merujuk kepada pendapat para ilmuwan, nilai bersyukur dapat dirumuskan bahawa salah satu nilai yang penting untuk diamalkan oleh setiap umat manusia supaya dapat mengajar diri untuk sentiasa sentiasa merasa cukup dan meraih ketenangan diri.

Dalam konteks ini, prinsip hubungan khalayak dengan karya yang terdapat dalam teori Takmilah amat bersesuaian dengan karya cerita rakyat ini. Prinsip ini menuntut sesbuah karya sastera mengandungi unsur pendidikan Islam yang boleh membentuk khalayak ke arah insan Kamil dengan menerapkan unsur pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan (Shafie Abu Bakar, 1997). Hal ini kerana khalayak dapat mengambil iktibar daripada cerita rakyat tersebut supaya sentiasa mengamalkan nilai bersyukur dalam apa jua keadaan yang berlaku supaya dapat membentuk masyarakat yang aman dan makmur. Sebagai contohnya, watak Mak Kantan yang mengucapkan terima kasih dan syukur kepada tuhan kerana anaknya Manggis telah sembuh daripada penyakit. Hal ini bertepatan dengan pendekatan khalayak dan karya yang menekankan aspek mendidik khalayak ke arah lebih baik dan menjadi insan Kamil serta menjadi medium didaktik yang berkesan kepada golongan desa.

## NILAI PERSAHABATAN

Nilai persahabatan berkait dengan nilai kasih sayang sesama manusia di mana lahirnya perasaan kasih dan belas kasihan dari hati yang ikhlas tanpa sempadan waktu atau unsur kepentingan diri seterusnya membawa perlakuan yang baik dan harmoni (Mohd Firdaus Che Yaacob, 2015). Selain itu, Azmin Yusof & Muhammad Ismail Abdullah (2017) mengemukakan kenyataan mengenai nilai persahabatan ialah sebuah jalinan sosial atau ikatan ukhuwah antara manusia. Di samping itu, menurut *Kamus Dewan* (2016) memberi takrifan bahawa nilai persahabatan merupakan perbuatan bersahabat atau perhubungan sebagai sahabat yang erat terjalin. Berdasarkan pendapat para tokoh, nilai persahabatan dapat disimpulkan bahawa manusia sebagai khilafah di atas muka bumi Allah S.W.T ini harus menjalinkan hubungan persahabatan dalam persekitaran yang baik supaya dapat mendorong terhadap pembentukan sahsiah yang baik dalam kalangan masyarakat. Pada masa yang sama, nilai bersyukur dapat dilihat dalam cerita rakyat yang berjudul *Kerakusan Jin Tanah*. Hal ini dapat diserlahkan menerusi petikan berikut:

“Hikayat menceritakan mengenai kisah tiga pemuda yang bekerja sebagai pemungut rotan di hutan. Mereka adalah tiga sahabat baik, iaitu Rozaiman, Rizal

dan Rifki. Persahabatan yang dijalankan antara mereka tidak pernah berlaku salah faham malah saling mempercayai sesama mereka. Apa-apa perkara mereka akan berbincang bersama bagi mencari jalan penyelesaian. Ketika dalam perjalanan pulang, Rozaiman telah jatuh pengsan dan membuatkan rakannya cemas melihat keadaan itu. Lantas, Rizal dan Rifki memapah pulang Rozaiman ke rumah. Ketika itu, mereka berdua menyedari bahawa Rozaiman mulai meracau seorang diri. Dengan perasaan takut, mereka berdua telah bersetuju untuk membawa Rozaiman ke rumah Bomoh Zakaria. Di rumah Bomoh Zakaria, Rozaiman telah dibaringkan di bahagian tengah rumah Bomoh Zakaria.”

(Fatimah Ismail, 2020)

“Hikayat menceritoke mengenoi kisoh tigo pemudo ye kijo sobagai pemungut rote di hute. Mereko adalah tigo sahabat baek, iaitu Rozaiman, Rizal de Rifki. Persahabate ye dijalinke antara mereka tok pernah berlaku salah pehe malah saling mempercayoi sesamo mereka. Ggapo-ggapo perkaro mereka ake bice bersamo bagi mencari jale penyelesaie. Ketiko dale perjalene pule, Rozaiman teloh jatoh pengse de wak saingnya cemas keleb keadoe tu. lantas, Rizal de Rifki memapoh Rozaiman pule ko rumah. Ketiko tu, mereka berduo menyedari bahawa Rozaiman mulo meracau sore diri. Denge perasoe takot, mereka berduo teloh bersetuju untuk membawa Rozaiman ko rumah Bomoh Zakaria. Drumah Bomoh Zakaria, ozaiman teloh ditarike di bahagie tengoh rumah Bomoh Zakaria.”

(Fatimah Ismail, 2020)

Berdasarkan petikan di atas, nilai persahabatan digambarkan dengan jelas melalui tiga orang watak iaitu Rozaiman, Rizal dan Rifki yang diceritakan bersahabat baik yang tidak pernah dilanda oleh sebarang perasaan salah faham atau perkara yang boleh memecah-belahkan hubungan mereka. Hal ini merujuk kepada mereka yang sentiasa menanam rasa percaya di antara satu sama lain supaya tidak berlaku persengketaan. Sebagai contohnya, Rizal dan Rifki bekerjasama memapah Rozaiman untuk dibawa ke rumah Bomoh Zakaria kerana mereka percaya bahawa Rozaiman telah disampuk oleh makhluk halus. Hal ini jelas menunjukkan nilai persahabatan yang kuat diamalkan oleh ketigatiga watak ini dalam kehidupan mereka. Dalam konteks ini, nilai persahabatan digambarkan dengan baik dalam cerita rakyat ini dan merupakan medium didaktik yang berkesan kepada golongan desa untuk mendidik hati supaya sentiasa mementingkan menjaga hubungan persahabatan.

Dalam pada itu, hal ini bertepatan dengan kenyataan Azmin Yusof & Muhammad Ismail Abdullah (2017) mengenai nilai persahabatan adalah sebuah hubungan sosial dan ukhuwah yang kuat di antara manusia sesama manusia. Tambahan lagi, kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2014) berkenaan nilai persahabatan merupakan seseorang manusia yang mempunyai rasa kasih dan kasihan kepada manusia lain dalam sesebuah hubungan sehingga membawa kepada perlakuan yang baik di antara satu sama lain. Berdasarkan kenyataan para ilmuwan, nilai persahabatan dapat disimpulkan bahawa nilai yang mendorong seorang sahabat untuk sentiasa ikhlas dan membantu sahabatnya yang lain dalam apa jua keadaan dengan niat untuk mengekalkan hubungan persahabatan tersebut.

Prinsip Takmilah yang diaplikasikan dalam huraihan ini ialah khalayak dengan sastera. Menurut Shafie Abu Bakar (1997), prinsip ini menegaskan tentang hubungan khalayak dengan karya sastera tidak dapat dipisahkan. Hal ini dikatakan demikian kerana karya memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemikiran khalayak ke arah isu tertentu yang ingin diketengahkan dalam sesebuah karya. Sebagai misalannya, nilai persahabatan di antara Rizal, Rifki dan Rozaiman merupakan sesuatu yang dekat dengan masyarakat atau golongan desa yang mana persahabatan sememangnya hubungan yang wujud di antara kalangan masyarakat. Oleh hal yang demikian, jalinan hubungan khalayak dengan karya sastera dapat dilihat melalui nilai persahabatan yang diketengahkan dalam cerita rakyat ini dan sekali gus dapat dijadikan medium didaktik kepada golongan desa.

## NILAI PEMAAF

Menurut Aboebakar Atjeh (1988), nilai pemaaf adalah rasa yang sentiasa ingin memaafkan kesalahan orang lain dengan ikhlas hati. Selain itu, nilai pemaaf adalah seseorang yang akan memberi maaf kepada orang lain tanpa rasa dendam dan dengan hati yang ikhlas (Hashim Musa, 2008). Kenyataan ini disokong oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2014) yang mengemukakan pendapat bahawa nilai pemaaf ialah sifat luhur dan kuat untuk memaafkan orang lain yang melakukan kesalahan terhadap diri sendiri dan seseorang pemaaf merupakan tanda keimanan yang tinggi terhadap Allah SWT. Berdasarkan pendapat para ilmuwan, nilai pemaaf dapat disimpulkan sebagai sebuah nilai positif yang harus dipupuk secara menyeluruh terhadap masyarakat supaya dapat membentuk sebuah masyarakat yang tiada sengkata, dan bagi menyeimbangkan hubungan sesama manusia supaya tidak berlaku konflik berpanjangan. Sehubungan dengan itu, nilai pemaaf dipancarkan melalui cerita rakyat bertajuk *Kewibawaan Pak Su Hassan*. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

“Pak Su Hassan yang melihat anaknya berjalan dengan pengemis itu mulai merasa hairan dan menayakan kepada pengemis itu perkara yang terjadi. Akan tetapi Mak Jah telah menyalahkan pengemis itu sebelum sempat dia menjelaskan perkara yang sebenar. Ketika itu, beberapa orang kampung yang telah membantu pengemis dan Mutiara datang untuk menyampaikan perkara sebenar kepada Pak Su Hassan. Pak Su Hassan berterima kasih kepada pengemis itu manakala Mak Jah meminta maaf kerana telah menuduhnya. Pengemis itu memaafkan perbuatan Mak Jah. Semenjak itu, pengemis itu dijadikan sebagai anak angkat Pak Su Hassan dan Mak Jah. Kehidupan mereka sekeluarga semakin bahagia dengan kehadiran pengemis itu dalam keluarga mereka.”

(Azmi Che Lah, 2020)

“Pok Su Hassan ye keleb anoknyo berjale denge pengemis tu mulo beraso here de manayoke kepada pengemis tu perkaro ye terjadi. Ake tetapi Mok Jah teloh menyalohke pengemis tu sebelu sempat diyo menjelaske perkaro ye sebenor. Ketika tu, beberapa ore kapo ye teloh membantu pengemis de Mutiara date menyampaike perkaro sebenor kepada Pok Su Hassan. Pok Su Hassan berterimo kasih kepada pengemis tu manakalo Mok Jah meminto maaf kerano teloh menudohnyo. Pengemis tu memaafke perbuatan Mok Jah. Semenjok tu, pengemis tu dijadike sebagai anak angkat Pok Su Hassan de Mok Jah. Keidope mereka sekeluargo semakin bahagio denge kehadire pengemis tu dale keluargo mereko.”

(Azmi Che Lah, 2020)

Penglipur lara membuktikan bahawa nilai pemaaf dipancarkan dengan jelas dalam cerita rakyat ini melalui watak pengemis yang sanggup memaafkan orang lain walaupun tuduhan dilemparkan ke atas dirinya. Hal ini merujuk kepada watak pengemis yang sanggup memaafkan Mak Jah kerana telah menyalahkan dirinya dalam sesuatu perkara. Sebagai contohnya, Mak Jah tidak memberikan peluang kepada pengemis itu untuk menjelaskan perkara sebenar sehingga sanggup menuduh pengemis itu. Namun begitu, pengemis tersebut sanggup memberikan kemaafan kepada Mak Jah dan dia dijadikan anak angkat kepada Pak Su Hassan dan Mak Jah. Hal ini jelas menunjukkan nilai pemaaf yang diamalkan oleh pengemis tersebut telah menyelamatkan hubungan baik di antara mereka. Dalam konteks ini, cerita rakyat ini menggarap nilai pemaaf dengan baik dan berpotensi memberi pendidikan kepada pembaca sekali gus dapat menjadi medium didaktik kepada golongan desa.

Sehubungan dengan itu, nilai pemaaf bersesuaian dengan kenyataan yang diperjelaskan oleh Aboebakar Atjeh (1988) bahawa satu perasaan yang sentiasa ingin memaafkan orang lain dengan ikhlas. Selain itu, kenyataan ini disokong oleh Hashim Musa (2008) yang mengemukakan pendapat bahawa nilai pemaaf adalah hati seseorang yang ikhlas untuk memaafkan orang lain secara ikhlas tanpa menyimpan dendam walaupun sedikit. Berdasarkan kenyataan para cendekiawan, nilai pemaaf dapat dirumuskan bahawa nilai yang penting untuk didik dalam diri setiap anggota masyarakat supaya dapat melatih hati untuk sentiasa memaafkan orang lain dan mengelakkan persengketaan.

Dalam pada itu,uraian yang berlandaskan prinsip Takmilah melalui prinsip hubungan karya dengan khalayak memberi lebih pencerahan mengenai aspek perhubungan di antara mesej yang ingin disampaikan dalam cerita rakyat dengan khalayak pembaca itu sendiri. Menurut Shafie Abu Bakar (1997) prinsip ini menekankan unsur pendidikan dalam sesebuah karya sastera terhadap khalayak pembaca. Sebagai contohnya, watak pengemis dalam cerita rakyat ini yang digambarkan sebagai seorang yang mengamalkan nilai pemaaf kerana telah memaafkan Mak Jah yang telah menuuhnya bersalah dalam sesuatu perkara tanpa memberi peluang kepada mereka untuk memperjelaskan hal yang sebenar. Hal ini jelas menunjukkan nilai pemaaf yang digarapkan dalam cerita rakyat ini merupakan mesej yang baik dan dapat mendidik masyarakat terutama golongan desa yakni khalayak untuk menjadi insan Kamil seperti yang dituntut dalam prinsip ini.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, cerita rakyat sememangnya kaya dengan nilai positif yang berpotensi memberi pendidikan dan menjadi medium didaktik kepada golongan desa. Hasil penelitian mendapati bahawa cerita rakyat khususnya cerita rakyat daerah Pasir Mas, Kelantan dapat menjadi medium didaktik yang efisien kepada golongan desa dan masyarakat sekeliling. Hal ini dikatakan demikian kerana, cerita rakyat merupakan salah satu karya sastera yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu dengan diterapkan isi kandungan yang murni untuk dijadikan alat pendidikan kepada masyarakat setempat. Selain itu, pengaplikasian teori Takmilah menerusi prinsip hubungan khalayak dengan karya memberi kefahaman yang lebih jitu mengenai kesesuaian cerita rakyat sebagai medium didaktik. Konklusinya, cerita rakyat seharusnya dipelihara dengan apa juar cara supaya terus kekal untuk dijadikan panduan kepada generasi akan datang.

## PENGHARGAAN

Makalah/artikel ini disokong oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1/2019 (R/FRGS/A0200/01728A/002/2019/00714) Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Malaysia Kelantan.

## CADANGAN

Aspek medium didaktik yang menggunakan cerita rakyat seharusnya dijadikan kajian secara berterusan supaya martabat cerita rakyat dapat diangkat ke peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, kajian bertemakan cerita rakyat sebagai medium didaktik dilihat dapat menjuruskannya kepada penemuan baru mengenai kaedah yang baharu untuk mendidik golongan desa dan masyarakat tentang kepentingan nilai melalui cerita rakyat. Maka dengan itu, pengkaji mengemukakan cadangan agar pengkaji pada masa hadapan terus melakukan kajian bertemakan cerita rakyat dan medium didaktik agar dapat mengekalkan cerita rakyat dan membawa penemuan baharu dalam dunia penyelidikan sastera.

## RUJUKAN

- Aboebakar Atjeh. (1988). *Akhlaq dalam Islam*. Edisi Ketiga. Kota Bharu: Pustaka Alam.  
Abu Bakar Hamid. (1976). *Diskusi Sastera Jilid I: Sastera Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Achmad D. Marimba. 1981. *Pengantar Filsafat Pendidikan Islam*. Bandung: Penerbit Al-Maruf.  
Azmin Yusoff & Muhamad Ismail Abdullah. (2017). *Adab Unggul Islam dalam Persahabatan Antara Islam*. Malaysian Online Journal of Education. 1 (2), 102-112.  
Choirul Mahfud. (2014). The Role of Cheng Ho Mosque: The New Silk Road, Indonesia - China Relations in Islamic Cultural Identity. *Journal of Indonesian Islam*. 8 (1), 23 - 38  
Dundes, A. (1965). *The Story of Folklore*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall.

- Kamus Dewan. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Md. Yassin. (1990). Cerita Rakyat Sebagai Alat Pendidikan. Satu Analisis Isi yang Bercorak Etika. *Dialog Kesusastraan* (Umar Junus, Rahmah Bujang, Hashim Awang, Mohd. Yusuf Hassan, Wahab Ali, Rahman Kaeh, Fatimah Yassin & Zahir Ahmad, Ed.). Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 11-12 Mei.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhkan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Hamka. (1983). *Tafsir al-Azhar Juz XIII*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2015. *Seuntai Nilai-Nilai Murni Dalam Himpunan 366 Cerita Rakyat Di Malaysia*. Tesis Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. akulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Nazri Abdul Rahman, Mariani Md. Nor, Romli Darus, Ahmad Shobry Mohd Noor, Arun Daud, Rinau Lintan & Nor Asiah Muhamad. (2017). Cerita Rakyat Orang Asal Sabah Sebagai Medium Pembelajaran Asas Literasi: Analisis Keperluan. *Jurnalkurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. 5 (4), 26-30.
- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Awang Azman Awang Pawi. (2017). Disemination of Values through the E-Folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology*. 16 (1), 32-36.
- Rahimah Hamdan & Alya Batrisyia Annuar. (2020). Perspektif ‘Melayu Malas’ dan ‘Melayu Bodoh’ oleh Barat Serta Kebenarannya berdasarkan Cerita Jenaka Melayu. *Jurnal Dunia Pengurusan*. 2 (3) 71-82,
- Rosmani Omar, Md Sidin Ahmad Ishak & Siti Ezaleila Mustafa. (2019). Daripada Cetak Kepada Digital: Rekonstruksi Cerita Rakyat di Malaysia. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 12 (2), 291-319.
- Shafie Abu Bakar. (1997). *Estetika dan Takmilah dlm. Mana Sikana. Pembangunan Seni dan Sastera*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu FSKK.
- Shafie Abu Bakar. (1996). *Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip*. Dewan Sastera. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka